

Lagi kanak-kanak mati didera

KOSMO 4/6/2010 M/S 11

GOMBAK - Seorang lagi kanak-kanak lelaki berusia dua tahun meninggal dunia dipercayai akibat didera oleh ibu serta teman lakinya dalam satu kejadian di sebuah apartmen dekat Sentul di sini semalam.

Kanak-kanak itu disahkan meninggal dunia sejurus dimasukkan ke Hospital Selayang selepas dihantar oleh ibunya pada pukul 2.45 petang apabila mendapati dia berada dalam keadaan kritikal.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Kontinjen Kuala Lumpur, Datuk Ku Chin Wah ketika dihubungi berkata, doktor di hospital berkenaan membuat laporan polis selepas curiga dengan kesan kecederaan yang dialami oleh kanak-kanak tersebut.

"Berdasarkan pemeriksaan didapati ada beberapa kesan lebam pada badan mangsa," katanya.

Difahamkan, terdapat kesan rotan di badan serta bengkok di muka kanak-kanak itu.

Menurut Chin Wah, polis bertindak menahan ibu kanak-kanak tersebut yang merupakan operator kilang bersama teman lakinya yang bekerja sebagai buruh ketika mereka tampil bagi memberi keterangan di Ibu Pejabat Polis Daerah Sentul pada pukul 4 petang.

"Kita percaya mereka berdua yang berusia 22 dan 30 tahun merupakan suspek yang bertanggungjawab menyebabkan kematian kanak-kanak berkenaan," katanya.

Pada 29 Mei lalu, seorang bayi lelaki berusia tiga bulan, dipercayai didera oleh pengasuhnya, meninggal dunia di Hospital Kuala Lumpur.

Sementara pada 17 Mei, seorang bayi lelaki, Mohd. Rayyan Afzanizam, tujuh bulan meninggal dunia juga selepas dipercayai didera oleh pengasuhnya di USJ Subang Jaya.

Pada 15 April pula seorang kanak-kanak perempuan Jasmine Lee@ Lee Swee Hui, 3, dipercayai didera seorang lelaki di Seri Kemangan.